

**PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN  
JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP) SESI  
2016-2018 DAN PENGANUGERAHAN PENARAFAN  
BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)  
TAHUN 2016 BAGI NEGERI MELAKA**



Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Perwakilan Penduduk Sesi 2017-2019 dan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan 2016 bagi Negeri Melaka yang diadakan pada 3 Disember 2017 bertempat di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka telah disempurnakan oleh YB Datuk Ar. Haji Ismail bin Haji Othman (Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar) yang mewakili YAB Ketua Menteri Melaka. YB Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique (Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah mengiringi beliau ke majlis ini.

KPKT telah melantik 960 orang Anggota JPP Negeri Melaka bagi penggal kedua sesi 2016-2018. Pelantikan ini telah menjadikan Negeri Melaka mencapai 100 peratus keanggotaan JPP yang lengkap mengikut zon.



KPKT telah menyalurkan Pemberian

Peruntukan Khas bagi Negeri Melaka kepada empat (4) orang Ahli Parlimen iaitu Masjid Tanah, Alor Gajah, Tangga Batu dan Jasin yang mana setiap ahli parlimen menerima RM30,000.00 untuk melaksanakan Program Gerak Kerja JPP dan Program Ramah Mesra Bersama Masyarakat.

KPKT juga telah membina lapan (8) buah Centre of Urban Wellbeing (CUBE) di Negeri Melaka dengan peruntukan sebanyak RM880,000.00 bagi memantapkan peranan JPP sebagai jentera transformasi sosial untuk menangani isu-isu kesejahteraan bandar.

Sehingga 30 November 2017, sebanyak 2,272 zon JPP telah ditubuhkan di seluruh Semenanjung dan seramai 18,594 Anggota JPP yang telah dilantik.

JPP yang mula ditubuhkan secara berperingkat mulai bulan Julai 2014. Ini adalah selaras dengan Bab 3 Bidang Fokus B Rancangan Malaysia Ke Sebelas iaitu untuk memperkasa komuniti untuk membina masyarakat yang produktif dan sejahtera.



Selain daripada penyampaian watakah JPP, turut diadakan Penganugerahan Sijil Penarafan Bintang kepada PBT di Negeri Melaka bagi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2016 yang mana sebuah PBT mendapat penarafan 5 bintang dan tiga (3) buah PBT menerima penarafan 4 bintang seperti yang berikut:



**i. Penarafan 5 bintang**

- Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

**ii. Penarafan 4 bintang**

- Majlis Perbandaran Alor Gajah
- Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- Majlis Perbandaran Jasin

SPB-PBT dilaksanakan untuk mengukur tahap prestasi penyampaian perkhidmatan PBT bagi bidang-bidang pengurusan organisasi, perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penglibatan komuniti serta pandangan penduduk. SPB-PBT di Semenanjung Malaysia mula dilaksanakan pada 2008 hasil keputusan Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-57 pada tahun 2007 bagi semua PBT di seluruh Malaysia. Sehingga tahun ini, KPKT telah melaksanakan sebanyak empat (4) kali SPB-PBT iaitu pada tahun 2008, 2010, 2013 dan 2016.

Penarafan 5 bintang diberikan kepada PBT yang mencapai markah 90 peratus ke atas. Penarafan 4 bintang pula diberikan kepada PBT yang mencapai markah 75-89 peratus, manakala penarafan 3 bintang diberikan kepada PBT yang mencapai markah 60-74 peratus. Penarafan 2 bintang diberikan kepada PBT yang mencapai markah 45-59 peratus dan Penarafan 1 bintang diberikan kepada PBT yang mencapai markah kurang daripada 45

peratus. Sasaran nasional bagi SPB-PBT menjelang tahun 2021 ialah 90 peratus PBT di seluruh negara mencapai sekurang-kurangnya 4 bintang.

Pada masa hadapan, KPKT akan mengukur prestasi SPB-PBT berdasarkan kepada kemampuan untuk memberi respon aduan yang cepat secara dalam talian menerusi kemudahan yang disediakan oleh KPKT iaitu Aplikasi iKepoh. Aplikasi ini boleh dimuat turun ke dalam telefon bimbit melalui Google Play, Apple Store atau GAMMA Malaysia. Pada masa kini, 96 daripada 98 buah PBT di Semenanjung Malaysia telah menggunakan Aplikasi iKepoh.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KPKT